

## **LAMPIRAN K.1**

### **GARISPANDUAN LORONG BELAKANG BANGUNAN BAGI TUJUAN KEBENARAN MERANCANG**

- 1.0** Jawatankuasa telah memutuskan bahawa kelebaran minima yang dibenarkan bagi semua lorong belakang bangunan perumahan baru adalah 16 kaki tertakluk dengan syarat-syarat berikut:-
- a) Bangunan kediaman tidak melebihi tiga tingkat;
  - b) Jumlah unit kediaman tidak melebihi 15 unit dalam sesuatu barisan (yang perlu dipisahkan);
  - c) Tidak melibatkan rumah kedai dan lain-lain bangunan yang bukan perumahan ; dan
  - d) Pemilik rumah bertanggungjawab memastikan segala langkah keselamatan dan penjagaan kesihatan diambil dan dicapai dalam membuat bangunan tambahan ini termasuklah mendapatkan nasihat kepakaran profesional yang berkaitan.
- 2.0** Syarat-syarat yang ditetapkan dalam perkara 1(a), 1(b), 1(c) dan 1 (d) di atas bagaimanapun hanyalah merupakan kelebaran minima dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah menggunakan budi bicara dalam menetapkan kelebaran yang sesuai berdasarkan merit sesuatu kes permohonan itu.

Diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 17.8.2004

\* Majlis pada 27.9.2005 semasa menimbangkan permohonan kebenaran merancang JPB/PM4398 telah memutuskan lorong sisi perlu disediakan.